

UCAPAN Y.A.B. DATUK HUSSEIN ONN,
PEMANGKU PRESIDEN UMNO, KETIKA
MERESMIKAN MESYUARAT PERWAKILAN
UMNO BAHAGIAN ULU LANGAT
DI KAJANG PADA HARI AHAD, 6HB
JUN, 1976, JAM 10.00 PAGI.

Assala mualaikum warahmatullahi
wabarakatuh!

Saudara Pengerusi, *majlis,*

Saudara Ketua UMNO Bahagian Ulu Langat dan
Ahli-Ahli Jawatankuasa,

Para perwakilan dan

Saudara-saudara sekalian,

Saya amat sukacita dan bersyukur
ke hadzrat Allah Yang Maha Kuasa, kerana
dengan limpahnya dapat saya hadir di sini,
pada pagi ini, khususnya meresmikan
Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Ulu
Langat ini.

2. Saya sukacita kerana dalam ~~bidang~~ lawatan ini, saya dapat ^{berjumaat dan} berkenal rapat dengan saudara ahli-ahli sekelian, untuk mengetahui akan keadaan dan perjalanan parti kita, sebagai persiapan menghadapi Perhimpunan Agung UMNO, pada bulan depan.

3. Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian ini amatlah penting, kerana beberapa perkembangan telah berlaku, khasnya di daerah ini, yang memerlukan banyak pertimbangan dan pemikiran kita bersama. Saya memperkatakan ini kerana telah terjadi hal, yang pada hemat saya, melibatkan, sedikit sebanyak, soal

perpaduan dalam parti dan soal kepatuhan terhadap pimpinan parti. Demikian juga bagi menentukan supaya setiap ahli tetap berpegang teguh kepada prinsip parti dan bekerja untuk memperkuatkannya, pada sebarang masa dan pada setiap ketika.

4. Saya mendapat tahu tentang adanya kegiatan yang dijalankan oleh beberapa orang dalam UMNO Negeri Selangor, untuk memesongkan fikiran ahli, tetapi pada hakikat sebenarnya, kegiatan ini ditumpukan terhadap pucuk pimpinan parti. Semasa kita merayakan Ulang Tahun UMNO Yang Ke-30 baru-baru ini, telah didapati ada kegiatan tertentu menggalakkan

setengah daripada ahli UMNO di ^{Kawasan} ~~daerah~~ ^{Wilayah} Kuala Lumpur, supaya jangan datang beramai-ramai ke Kelab Sultan Sulaiman, menghadiri Majlis Perayaan tersebut. Kegiatan ini bermaksud supaya menggagalkan perjumpaan ^{itu} ~~tersebut~~. Di samping itu, dengan kehadiran sebilangan kecil ahli, boleh memperlihatkan yang parti kita seolah-olah tidak dapat sambutan sewajarnya, terutama di tempat yang bersejarah, iaitu tempat lahirnya Pertubuhan kita — UMNO.

5. Pada hemat saya, sikap dan kegiatan seperti ini amatlah merugikan, kerana dari fikiran singkat dan tindakan yang kurang cermat,

setengah ahli yang menjalankan kegiatan itu,
^{hendak}
~~telah~~ menampakkan parti kita kecil dimata
 orang bukan Melayu. Sekalipun demikian,
memang menjadi hasrat kita mengadakan Majlis
 Perayaan Ulangtahun itu, dalam bentuk yang
sederhana. Kita tidak bermaksud mengadakan
 perhimpunan raksaksa, kerana semua orang tahu
UMNO dan sejarah perkembangan dan kejayaannya.
 Demikian juga, orang tahu UMNO kuat.
 Oleh sebab itu, bolehlah dikatakan perhimpunan
 kita berjaya, dan perjumpaan kita itu tidak
 perlu diukur daripada ^{besar atau kecilnya} ~~besar atau kecilnya~~
^{bilangan orang yang hadir.}
~~namanya orang yang hadir,~~
~~orangramai yang hadir,~~ tetapi setiap orang
 di luar dan di dalam, hendaklah melihat daripada

semangat dan ketabahan setiap ahli UMNO yang datang itu.

Saudara-saudara sekalian,

6. Setelah memikirkan, meninjau dan memperhitungkan segala-galanya, kepada saya, apa yang berlaku itu, saya sifatkan sebagai satu cabaran ataupun dugaan, yang perlu dihadapi dan dilalui, sebagai pucuk pemimpin parti yang telah diberi tugas dan amanah. Saya menerima setiap cabaran itu dengan penuh kesedaran, bahawa tugas saya bukanlah semakin kecil, tetapi berkembang dan makin besar. Bahkan, pada ketika ini, saya mendapat tahu dari maklumat-maklumat, ada beberapa golongan

yang aktif menjalankan kempen di sana sini, menghasut ahli-ahli UMNO supaya menjalankan kegiatan yang boleh merugikan mesyuarat perwakilan pada hari ini. Ada juga yang memburukkan saya. Tujuan kumpulan ini ialah untuk menjatuhkan ketua bahagian ini, kerana sikapnya yang menyokong/^{pucuk}pimpinan UMNO.

7. Kalaulah apa yang saya dengar itu benar, saya amatlah dukacita sekali, kerana sikap yang seperti ini tidak akan menguntungkan sesiapa. Sebaliknya, ini memberi faedah kepada lawan kita, kepada orang-orang yang menangguk di air keroh, golongan subversif dan Kominis, sudah tentu akan bertepuk tangan

mengalukan kegiatan pihak yang disebutkan itu. Golongan Komunis suka kerana mereka dapat memeralatkan pihak tersebut. ~~kerana~~ Mereka ^{memang suka} ~~ingin~~ kita berpecah ~~dan~~ berbalah sesama sendiri.

8. Dengan itu, saya perlulah menyatakan di sini tentang mustahaknya kita mengembalikan perpaduan dalam parti untuk membawa kesedaran, kerana apa yang perlu saudara sekalian ingat ialah, parti kita bukanlah dibina di atas ketokohan seseorang pemimpin. Parti kita tidak ditegakkan di atas keupayaan dan kekuatan seseorang pemimpin sahaja. Parti kita, tidak akan muncul dengan keagahan seseorang pemimpin ^{sahaja.} Sebaliknya, parti kita

adalah ditegakkan di atas keyakinan ahli-ahli kita, ^{atas} ~~Atas~~ pengorbanan ahli, ^{atas} ~~Atas~~ muafakat dan perpaduan ahli.

9. Seperti yang dimaklum, parti kita UMNO dibangunkan dengan pengorbanan dan kegiatan setiap ahli. Oleh itu pemimpin yang ada, atau yang telah pergi meninggalkan kita, mereka yang sedang berjuang dan akan berjuang, adalah tegak berdiri di atas sokongan setiap ahli, dan bukanlah sebaliknya. Izinkan saya memberikan kesedaran ini kepada saudara-saudara sekalian, kerana sebarang pemesongan, sebarang penyelewengan ^{dari pada} ~~kepada~~ tujuan asal parti kita, akan membawa kerugian

dan keruntuhan kepada kita sendiri dan
bangsa Melayu. Saya yakin, pihak-pihak
yang merasakan dirinya sudah terkeluar
daripada arus perjuangan asal parti, akan
segera pulang kepada golongan dalam parti
yang terbanyak, dan bersama-sama meneruskan
cita-cita kita untuk menjadikan UMNO ini
sebagai parti yang benar-benar kuat, yang
benar-benar kukuh, yang disegani oleh setiap
kawan dan lawan.

Saudara-saudara sekalian,

10. Seperti yang telah kita ketahui,
UMNO telahpun hidup bergerak mendatangkan
banyak faedah dan munafaat, kepada ahli dan

negara, selama 30 tahun yang lalu. Hasrat dan keinginan kita ialah, supaya Parti ini akan terus menjadi tunggak dan payung kepada kita semua, bukan setakat 30 tahun lagi, bahkan kita berdoa, akan mencapai beratus ~~atau beribu tahun lagi~~, selagi orang-orang Melayu masih ada di dunia ini dan masih memberikan keyakinan terhadap UMNO. Dengan keyakinan inilah saya harap saudara-saudara^{sekalian,} akan dapat meneruskan tugas dan cita-cita suci kita^{itu,} demi menjaga kepentingan dan hak orang-orang Melayu, kerana asas dan kekuatan politik negara, adalah terletak kepada UMNO, dan orang-orang Melayu sendiri.

11. Dengan harapan inilah saya percaya satu pemikiran baru, satu penilaian baru dan satu kesedaran baru, akan tumbuh di kalangan ahli-ahli kita, yang saya yakin akan dapat membawa kepada ujudnya tenaga dan imej baru kepada parti kita, di masa ini dan masa akan datang. Saya tidak menyatakan bahawa pihak-pihak yang berkenaan ini, tidak berhak untuk membuat tindakan. Tetapi, apa yang perlu difikirkan ialah, dalam mengamalkan prinsip demokrasi, suara ramai dan suara terbanyak adalah menjadi panduan kepada kita pada setiap masa. Oleh itu, keinginan daripada *golongan yang kecil atau* small minority, tidaklah boleh dipaksakan *ke atas* *yang banyak atau* kepada golongan majority. ~~yang lain.~~

Saudara-saudara sekalian,

12. Menyentuh mengenai demokrasi, moleklah saya terangkan ^{bahwa} kita mengamalkan demokrasi kerana hanya dengan demokrasi sahaja, parti kita akan tumbuh dengan sihat dan segar.

Tetapi demokrasi parti, ialah demokrasi yang didasarkan pada disiplin tertentu, yang tegak atas Perlembagaan parti kita. Asal sahaja fikiran dan pendapat dari berbagai jurusan itu disalurkan dalam batas Perlembagaan parti, maka ia tidaklah meninggal bekas kepada keutuhan dan perpaduan parti. Tetapi janganlah kita memburukkan pemimpin atau teman-teman dalam parti sendiri, secara fitnah dan secara

nafsu-nafsi. Janjlanlah kita memburukkan peribadi seseorang, apalagi peribadi pemimpin, kerana manakala kita berbuat demikian, bukanlah ia merupakan kempen yang halal dan berperlembagaan. Janjlanlah kehilangan akal semata-mata kerana hendak kepada kedudukan dan jawatan.

13. Satu akibat daripada fitnah memfitnah ini ialah, lahirnya komplot yang bergerak senyap-senyap menjalankan kempen bisik membisik, memburukkan peribadi pemimpin. Perbuatan yang tidak berprinsip, yang tidak berpekerti ini, amatlah dikesalkan, malah lebih dikesalkan kerana ia dilakukan oleh setengah

orang yang mendakwa diri mereka telah lama bergerak dan berjuang dalam parti. Orang-orang yang hanya bergerak dalam parti kerana hendak mencari kesenangan, yang membuat heboh semata-mata kerana jasa mereka konon tidak dikenang dan tidak diingat, yang bernafsu untuk mendapat kedudukan yang lebih lumayan, lebih berpengaruh, walaupun kedudukan mereka telah terjamin — mereka inilah yang menjadi masalah sekarang dan ~~tetap~~ akan menjadi masalah di masa depan.

14. Sisa-sisa frustrasi dari pilihanraya yang lalu, daripada orang-orang yang tidak dicalunkan, masih dirasakan hingga hari ini.

Terlalu banyak orang mengharapkan kepada parti untuk kesenangan hidup mereka, daripada orang-orang yang sedia dan rela berkorban untuk parti. Kalau sekiranya inilah masalah yang kita hadapi terus menerus, nescaya terbataslah bidang yang terbuka kepada kami untuk mencari dan memilih bakal-bakal pemimpin, yang kelak mengambil alih pimpinan parti dan negara pada masa depan.

Saudara-saudara sekalian,

15. Pada hemat saya, adalah menjadi tanggungjawab setiap anggota dan rakyat, memberi sokongan sebulat-bulatnya dan sepenuh-penuhnya

kepada pimpinan sekarang, memberikan kepercayaan yang tidak berbelah bagi kepada pemimpin mereka, dalam melaksanakan dasar, dalam dan luar negeri, yang hasilnya dan kesannya telah begitu besar ^{mempengaruhi} ~~pengaruhnya~~ kepada kehidupan rakyat dan juga ~~kepada~~ imej dan nama baik negara di dalam dan di luar negeri.

16. Dasar Ekonomi Baru sedang terlaksana ^{dengan} pesat, dan walaupun dalam beberapa hal tentang pelaksanaannya, masih memerlukan ^{demikian} perubahan, namun ^{ia} telah mengubah taraf hidup rakyat ^{negara} ~~negeri~~ ini. Dasar kita dalam bidang-bidang lain — pelajaran, pertahanan dan sebagainya — juga berjalan mengikut

rancangan. Sementara itu, dasar luar negeri kita telah menempatkan Malaysia pada paras kedudukan yang tinggi di rantau ini, dan juga meletakkan negara kita sebagai negara yang suara dan fikirannya dipertimbang berat oleh dunia antarabangsa. Kedudukan ini ialah berkat dedikasi, pandangan jauh dan kejujuran pemimpin kita, dan kemajuan ini tercapai ialah berkat sokongan yang diterima dari rakyat, kepercayaan yang diberikan oleh segenap lapisan rakyat kepada pemimpin mereka.

17. Perhubungan parti dengan rakyat *yang* begitu erat, perhubungan parti dengan Kerajaan yang begitu rapat — kedua-dua faktor inilah

yang memungkinkan kita mencapai kemajuan yang saya sebutkan tadi. Pemimpin dan rakyat saling percaya mempercayai. Parti dan Kerajaan saling yakin meyakini satu sama lain. Tidak timbul soal yang satu berkuasa atas yang lain. Kedua-dua pihak itu saling perlu memerlukan sokongan, kepercayaan dan keyakinan satu sama lain, dan segala usaha dijalankan supaya perhubungan itu tetap erat dan saling mengerti satu sama lain, melalui berbagai saluran, lembaga, organisasi dan sebagainya.

Saudara-saudara sekalian,

18. Seperti yang sama-sama kita maklum, pada bulan lepas, UMNO telah mengadakan Seminar Ekonomi, yang bertujuan mengkaji pelaksanaan Rancangan Malaysia Kedua. Seminar tersebut telah berjalan dengan lancar, dan dapat menghimpunkan pendapat serta fikiran ahli-ahli, mengenai masalah pembangunan negara, dan juga mengenai kelemahan atau kekurangan berbagai pihak, khasnya agensi Kerajaan, dalam melaksanakan rancangan tersebut. Seminar ini merupakan usaha pertama yang dijalankan oleh Parti kita, untuk mengumpulkan pendapat ahli mengenai rancangan Kerajaan itu.

19. Dari rumusan-rumusan yang telah disampaikan kepada saya, nyatalah Seminar ini berjaya mencapai matlamatnya. Ini memberikan kepada Kerajaan, dan khasnya saya sendiri, satu garis panduan yang perlu diamati dalam melaksanakan Rancangan Malaysia Ketiga. ini. Saya amat berbangga dengan semangat dan juga pendapat yang ditunjukkan oleh ahli-ahli semasa mengemukakan fikiran mereka itu. Sungguhpun, pada pendapat saya, masih ada cara yang perlu dijalankan bagi melengkap perjumpaan yang seperti ini, tetapi buat permulaan, kita telah mencapai apa yang dikehendaki.

20. Dalam hubungan ini, seperti yang saudara sekalian maklum, Kerajaan akan melancarkan Rancangan Malaysia Ketiga pada bulan depan. Saya juga telah mengumumkan bahawa jumlah perbelanjaan yang dianggarkan akan digunakan dalam rancangan itu, berjumlah lebih dari \$18,000 juta. Dari segi jumlah, ini merupakan satu rancangan yang paling besar yang pernah dijalankan oleh Kerajaan negara ^{kita} ~~kita~~. Sungguhpun, pada hakikatnya, rancangan ini dilancarkan semasa saya memimpin Kerajaan, tetapi patutlah saya nyatakan juga bahawa inspirasi dan tenaga yang kuat mendorong pelaksanaan rancangan ini, telah dimulakan semasa hayat Allahyarham Tun Abdul Razak lagi. Tentulah kita merasakan kehilangan

Allahyarham itu, tidak dapat diisi dan diganti. ~~sekalipun dengan berpulangannya ke rahmatullah~~ ~~pemimpin kita itu.~~ Tetapi saya inginlah menyatakan bahawa setiap semangat, dorongan dan juga syor-syor yang telah diasaskan oleh Allahyarham itu, sebelum beliau meninggalkan kita, akan terus menjadi inspirasi dan tenaga pendorong kepada saya untuk melancarkan Rancangan Malaysia Ketiga ini. Wajarlah kalau kita di sini terus memperingati bahawa dasar pembangunan, khususnya pada mengisi cita-cita rakyat, diasas dan banyak diusahakan semasa Allahyarham berada bersama-sama kita.

Saudara-saudara sekalian,

21. Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga ini, bidang yang amat dititikberatkan kelak ialah bidang pertanian, kerana ia merupakan nadi kepada kemajuan pembangunan rakyat, khususnya di luar bandar. Saya mengharapkan supaya setiap pihak, setiap golongan rakyat di negara ini, tanpa mengira kaum, akan mengambil peluang serta memberikan kerjasama kepada Kerajaan pada menentukan kejayaan rancangan kita ^{itu,} khususnya ^{di} bidang pertanian ini. Dalam pada itu, saya juga ingin ~~kan~~ menyebutkan perkara yang sama pentingnya dengan soal pembangunan, ~~ini~~ iaitu soal keselamatan.

22. Perkara ini sama pentingnya dengan pembangunan kerana kedua-duanya berkait rapat. Kerajaan sangatlah mengambil berat tentang keselamatan ini, bukan sahaja daripada segi memerangi komunis dan penyokong-penyokongnya, tetapi juga untuk menentukan supaya rakyat adalah sentiasa menyokong Kerajaan dan mendapat munafaat dalam segala tindakan. Juga, Kerajaan menitik-beratkan bahawa rakyat sentiasa padu dan menyertai Kerajaan dalam segala kegiatan yang dijalankan oleh Kerajaan.
23. Dalam hal inilah, ahli-ahli UMNO di semua peringkat, diminta supaya memberikan kerjasama dan juga pada menentukan setiap

kumpulan dalam Barisan Nasional serta ahli-ahli yang menyokong kita, sentiasa bersama-sama dengan Kerajaan dalam menentukan kejayaan rancangan pembangunan negara kita. Seperti yang diketahui, semua rancangan, bagaimana baik sekalipun, memerlukan masa untuk menjalankannya. Demikian juga ia memerlukan penyertaan rakyat. Dengan itu, perhatian rakyat dan penerimaan mereka, hendaklah disejajarkan dengan keadaan ini, kerana banyak faktor-faktor yang terlibat dalam soal pembangunan. Saya mengharapkan supaya perkara ini sentiasa menjadi panduan dan garis ^{setiap} bertindak bagi setiap ahli kita pada masa.


Saudara-saudara sekalian,

24. Berbalik kepada Mesyuarat Perwakilan Bahagian Ulu Langat ini, saya sukacita kerana daripada kertas mesyuarat dan juga berita yang saya dengar, saudara sekalian telahpun memilih Saudara Azmir untuk memimpin Bahagian ini untuk dua tahun yang akan datang. Saya merasa bangga kerana kepercayaan yang telah diberikan kepada beliau, memandangkan kegiatan yang telah dijalankan olehnya di masa yang lepas. Sekalipun beliau ini muda dan mungkin muda daripada semua segi, tetapi saya mempunyai keyakinan penuh yang ia mempunyai bakat untuk memimpin dan memberikan pimpinan kepada UMNO di kawasan ini.

25. Saya mengharapkan kepercayaan yang sama itu terus diberikan, dan ahli-ahli UMNO tidak akan lari daripada tradisi kita yang patuh kepada Ketua, dan menunjukkan sifat-sifat menghormati keketuaan dalam segala kegiatan kita. Ini adalah sejajar dengan hasrat tiap-tiap ahli parti yang berpegang kuat kepada Perlembagaan, dan sentiasa berjalan di atas lunas-lunas demokrasi dan Perlembagaan itu. Ahli-ahli yang tidak hormat dan patuh kepada Perlembagaan merupakan golongan yang ~~tidak~~ kurang mempunyai disiplin, atau mempunyai rasa hormat terhadap pertubuhan yang sama-sama kita punyai dan kita perkukuhkan.

26. Dengan harapan bahawa parti kita UMNO akan terus kuat dan kukuh, untuk memainkan peranan dalam menentukan kesejahteraan rakyat dan pembangunan negara, maka saya dengan sukacitanya meresmikan Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Ulu Langat ini.

Terimakasih.



PERKIDMATAH
KIN PERDANA MEN



JUL 1958

**PERKHIDMATAN
ARKIB PERDANA MENTERI**



No. Siri	194
No. Penerimaan	87/11

27/78 JUL 1978